

03/04/2002

Umno Kelantan gesa hapus 'hantu'

KOTA BHARU, Selasa - Pemimpin Umno di Kelantan mengakui selagi 'hantu' dalam parti itu tidak dihapuskan, Barisan Nasional (BN) negeri akan menghadapi masalah untuk menang dalam pilihan raya umum akan datang.

Sambil berpendapat 'hantu' itu wajar disingkirkan, mereka turut menggesa pucuk kepimpinan parti bertindak tegas termasuk tidak membiarkan unsur tikam dari belakang menular hingga usaha memantapkan Umno, gagal.

Ketua Umno bahagian Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali, berkata sejak BN kalah dalam tiga pilihan raya umum pada 1990, 1994 dan 1999, pelbagai tanggapan dan andaian timbul terhadap kepimpinan Umno Kelantan kononnya tidak bersatu, mengamalkan cas keting (cantas mencantas) dan tikam dari belakang.

Hakikat sebenar perkara itu tidak pernah wujud, sebaliknya sengaja ditimbulkan segelintir ahli parti yang tidak puas hati dengan sesuatu perkara menyebabkan masalah itu diperbesarkan.

"Mungkin angkara ini dilakukan mereka yang tidak mahu melihat Umno menang di Kelantan. Untuk itu mereka sanggup melakukan apa saja termasuk menghantar laporan negatif kepada pucuk kepimpinan parti kononnya kita berpecah," katanya ketika dihubungi Berita Harian hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, BN tidak akan berjaya menawan semula Kelantan selagi masalah yang menghantui Umno di negeri itu tidak dapat diatasi.

Perdana Menteri berkata, hantu yang menguasai Umno Kelantan itu menyebabkan parti berkenaan berdepan dengan masalah dalaman sehingga menjejaskan peluang BN menerajui negeri itu.

Sambil mengakui desas-desus mengenai kemelut Umno Kelantan seperti yang dilaporkan akhbar, beliau berkata, ada pihak tertentu dalam Umno Kelantan yang lebih mengutamakan ekonomi peribadi menyebabkan Umno negeri itu tidak mendapat sokongan padu segenap lapisan masyarakat.

Timbalan Ketua Umno bahagian Kuala Krai, Datuk Sayed Mohd Ali Saipuddin Sayed Yaacob, berkata kewujudan 'hantu' dalam Umno boleh melunturkan semangat pemimpin dan ahli peringkat akar umbi untuk meneruskan perjuangan memantapkan jentera parti bagi menghadapi pembangkang.

Beliau berkata, sepatutnya pada musim ini, semua pemimpin patut bersatu untuk menawan semula Kelantan daripada Pas dengan memberi kerjasama padu kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mustapa Mohamed.

Ketua Umno Bahagian Pasir Puteh, Kamarudin Mohd Nor, berharap Dr Mahathir mencari pendekatan berkesan mengatasi masalah yang menghalang BN merampas kembali tampuk pemerintahan Kelantan daripada Pas.

"Mereka mesti diubati dan sekiranya anggota yang diserang penyakit tidak senang dengan keutuhan dalaman parti, mereka wajar dipotong," katanya.

(END)